

Undang-undang perlu dipinda:

B.H - 9 OCT 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid ^(P)

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata satu undang-undang laut baru perlu dibentuk bagi menggantikan undang-undang yang digubal ketika industri perkapalan masih kecil dan ketinggalan zaman.

Perdana Menteri berkata, undang-undang laut yang baru bagi mengawal pelayaran, keselamatan, menjamin alam sekitar serta melindungi kepentingan negara di pesisiran Selat Melaka adalah perlu kerana peraturan sedia ada sudah lapuk.

"Peraturan perkapalan dan lautan sudah lapuk kerana ia digubal pada zaman industri kapal masih kecil, tidak banyak muatan bahan berbahaya dan kemalangan tidak memberi kesan besar.

"Bagaimanapun, pada zaman ini, sudah ada banyak kapal tangki besar dan jika pecah, ia memberi kesan besar kepada semua pihak. Oleh itu, kita perlu meminda undang-undang laut yang ada sekarang," katanya selepas merasmikan Kongres Asean Pertama bertemiskan Asean — Generasi Akan Datang: Kebijaksanaan Lama dan Arah Baru, selama tiga hari di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat Kabinet semalam memutuskan supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Pengangkutan, menganjurkan mesyuarat peringkat Asean dan persidangan antarabangsa bagi menyelesaikan masalah di Selat Melaka.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, masyarakat antarabangsa perlu berkongsi tanggungjawab dengan Malaysia dan negara pesisirin Selat Melaka menjaga perairan di selat itu.

"Jika dunia mendakwa Selat Melaka sebagai perairan antarabangsa, dunia mesti menyumbang bagi menyelenggarakannya. Kita diberitahu dunia bahawa kita tidak berhak mengutip tol (di Selat Melaka) kerana ia dikatakan

perairan antarabangsa.

"Kini keadaan sudah berubah. Dunia tidak boleh mendakwa lagi Selat Melaka adalah perairan antarabangsa dan pada masa yang sama tidak mahu pula menyumbang," katanya.

Kemalangan kapal tangki minyak *Nagasaki Spirit* yang berlanggar dengan kapal kargo *Ocean Blessing*, tiga minggu lalu, yang menyebabkan tumpahan minyak merebak di pantai Kedah, Pulau Pinang dan Perak, membuktikan negara pesisiran saja menanggung kesan kemusnahan alam sekitar serta kos membersihkannya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, sudah sampai masanya negara pesisiran membincangkan isu Selat Melaka dalam mesyuarat peringkat Asean dan juga antarabangsa.

"Kita terpaksa menanggung segala-galanya bukan untuk kita tetapi bagi

LIHAT JUGA MUKA 2

orang lain yang menggunakan laluan di pesisiran selat kita. Apa sane berlaku kepada kita turut menjejaskan Indonesia dan Thailand," katanya.

Ditanya bila persidangan itu akan diadakan, Dr Mahathir berkata, perkara yang baru dicadangkan itu akan disegerakan bagi mengelak sebarang kemalangan baru yang memburukkan keadaan.

Kebimbangan baru turut dibangkitkan apabila kapal tangki Jepun, *Akatsuki Maru* yang membawa satu tan plutonium, dalam perjalanannya dari Perancis ke Jepun, dijangka melalui Selat Melaka.

Masyarakat antarabangsa, khususnya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bimbang dengan perjalanan *Akatsuki Maru* kerana sebarang kemalangan kapal itu boleh mengakibatkan kandungan plutonium, walaupun pada kadar lima peratus, merosakkan alam sekitar dan membahayakan jutaan nyawa.

P
M
l
a
u
t